

12 beradik gembira terima sumbangan dalam Program Jejak Asnaf UMP



Program Jejak Asnaf Fakir Miskin anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Universiti Malaysia Pahang (UMP) baru-baru ini yang mendapat sokongan Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan UMP Advanced Education (UAE) meninggalkan kenangan bermakna buat mahasiswa UMP yang menuntut di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Nur Juaini Mohd Husni bersama keluarganya yang tinggal di rumah pangsa PPR Seri Alam, Kuala Lumpur.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sepanjang Ramadan program ini berjaya menjejaki lebih 20 keluarga dari golongan asnaf yang fakir dan miskin yang tinggal terutamanya di sekitar Kuantan dan Pekan.

"Program ini juga memberi peluang dalam kalangan warga universiti untuk turun padang menghulurkan sumbangan keperluan asas seperti bantuan bekalan makanan, keperluan harian serta baju raya untuk mereka merasai kegembiraan menyambut hari raya," katanya yang hadir beramah mesra dengan keluarga Nor Juaini pada 11 Julai 2015 yang lalu.

Sementara itu, Presiden Persatuan Wanita UMP (Matahari), Profesor Dr. Mimi Sakinah Abd Munaim berkata, keluarga ini mempunyai 12 orang adik-beradik yang masih bersekolah pada usia empat tahun sehingga 19 tahun manakala ayahnya hanya berniaga kecil-kecilan bagi menyara keluarga.

Tambahnya, pihak persatuan juga mengambil inisiatif mengumpul dana untuk menyumbang barang kemudahan kegunaan keluarga ini termasuk mencerikan persekitaran rumah serta keperluan raya dan pakaian baharu.

Bagi Norliza Said, 43 tahun yang merupakan ibu kepada pelajar ini amat menghargai bantuan yang disumbangkan pihak universiti serta terharu dengan bantuan sebegini.

Manakala Nur Juaini pula berkata, pengorbanan UMP dalam membantu keluarganya ini tidak mungkin dilupakan. Beliau akan berusaha untuk meraih kejayaan agar dapat mengubah nasib keluarga saya pada suatu hari nanti.

Selain menerima barangan dan kelengkapan rumah, mereka

sekeluarga juga berpeluang menikmati juadah berbuka puasa bersama Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan isteri, Datin Fazia Ali di sebuah restoran terkenal di Kuala Lumpur.

Hadir sama Pengarah Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyuddin Ismail dan Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK), Profesor Dr. Zularisam Ab. Wahid.

